

# SELANGOR DI BAWAH TAKLUKAN BIRU MUDA

**S**udah dijangka! Itu maklum balas kebanyakan pihak akan kemenangan Pakatan Harapan (PH) di Selangor. Namun, tidak sangka pula akan majoriti yang diraih oleh PH meningkat di kesemua kerusi, baik Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pakatan yang menggunakan bendera Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai simbol tunggal pakatan pembangkang di Selangor dan di seluruh Malaysia Barat mengukuhkan lagi cengkaman gabungan PKR, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Bertindak Demokratik (DAP) dan Parti Amanah Negara (AMANAH) di Selangor untuk penggal ketiga berturut-turut.

Sebelum proses pembuangan undi pada 9 Mei lalu, banyak penganalisis politik menjangkakan PH bakal menerima tentangan sengit daripada Barisan Nasional (BN) dan sebuah lagi parti yang dahulunya merupakan rakan strategik PH, iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Malah, ada yang menjangkakan PH akan ditewaskan.

Walaupun bagaimanapun, tentangan sengit yang digembar-gemburkan untuk menuju ke Shah Alam tidak seperti yang dijangkakan apabila barisan PH menang mudah, malah

mampu meningkatkan jumlah kerusi DUN di Selangor dan menambahkan kerusi PH di Parlimen.

Pastinya ramai yang terarah dan bercerita akan "magis Mahathir" yang sebenarnya menjadi faktor utama kepada kejayaan PH pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 pada kali ini. Malah, bagi mempelbagaikan lagi "juadah" pembuka selera pengundi di Selangor untuk terus menyokong PH, termasuklah kehadiran tokoh-tokoh veteran seperti Tun Daim Zainudin, Tan Sri Rafidah Aziz dan Tan Sri Dr. Rais Yatim yang pastinya mempunyai sokongan, aura dan impak yang cukup besar terhadap proses pemilihan dan pengaruh kepada sokongan rakyat.

Selain faktor "tsunami Mahathir", faktor lain turut menjadi penyumbang utama kepada kekalahan di luar jangka PAS dan BN kepada PH. Walaupun dikatakan PAS mampu menggugat kemenangan PH, hal ini secara realitinya tidak mendatangkan kesan kepada pilihan utama pengundi Selangor terhadap PH yang majoritinya merupakan penduduk di bandar dan separa bandar.

Sebelum ini, PAS yang memenangi 13 kerusi, merangkumi N2 (Sabak), N15 (Taman Templer),

N17 (Gombak Setia), N20 (Lembah Jaya), N21 (Chempaka), N23 (Dusun Tua), N26 (Bangli), N29 (Sri Serdang), N38 (Paya Jaras), N42 (Meru), N45 (Selat Klang) dan N54 (Tanjong Sepat) hanya mampu mempertahankan satu kerusi sahaja, iaitu kerusi N51 (Sijangkang). Hal ini disebabkan semasa PRU-13, parti tersebut bergabung bersama sama PKR dan DAP yang memungkinkan pengundi kedua-dua parti tersebut menyokong calon PAS pada masa tersebut untuk menentang BN. Apabila PAS mengisytiharkan keluar daripada PH sebelum PRU bermula, impaknya pasti kepada jumlah pengundi untuk PAS juga turut berkurangan.

Penyebab lain yang mengakibatkan PAS kalah teruk di Selangor termasuklah jalinan mesranya dengan BN atau lebih tepat PAS merupakan bayangan kepada BN. Faktor ini juga memainkan sentimen penting apabila pengundi enggan membantu PAS kerana mereka melihat BN ialah musuh utamanya, termasuklah PAS. Walaupun dikatakan penyandang kerusi PAS di 13 kerusi DUN Selangor telah menjalankan tanggungjawab sebagai Yang Berhormat di tempat masing-masing yang dengan cukup baik, hal ini masih belum mampu untuk meyakinkan pengundi baharu dan lama setelah melihat keakraban pemimpin utama PAS yang seakan-akan mendorong untuk menyokong BN.

PAS yang sedar akan kepayahan dan kesukaran untuk memenangi kerusi di DUN dan Parlimen tidak pernah mengalah. Situasi ini tidak melemahkan semangat dan perjuangan yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat kepada parti. Elemen kejutan turut dipertontonkan oleh PAS apabila menampilkan tokoh agama yang cukup dikenali di negara ini. Tokoh tersebut ialah Ustaz Ahmad Dusuki yang bertanding di DUN Kota Anggerik.

Disangkakan panas hingga petang, rupanya hujan di tengah hari, populariti Ustaz Ahmad Dusuki tidak mampu menandingi "gelombang rakyat" apabila tewas dengan calon PH, Najwan Halimi dengan majoriti besar, iaitu 17 004 undi. Selain itu, kekalahan Sallehen Mukhyi (DUN Sabak), Khasim Abdul Aziz (DUN Lembah Jaya) dan Iskandar Abdul Samad (DUN Chempaka) merupakan keputusan yang tidak dijangka kerana ketiga-tiga calon ini mempunyai rekod yang baik dalam kalangan penduduk setempat. Malah, jangkakan awal menunjukkan ketiga-tiga calon ini bakal mengekalkan kerusi masing-masing.

Pada peringkat Parlimen pula, sememangnya kekalahan PAS sudah dijangka kerana faktor-faktor yang disebutkan tadi. Penyandang kerusi P101 (Hulu Langat), Dr. Che Rosli Che Mat tewas kepada calon PH, iaitu Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dengan majoriti 25 424 undi. Bagi BN pula, walaupun memperkenalkan pelbagai manifesto pada peringkat

persekutuan dan negeri dengan pelbagai tawaran yang cukup menarik, namun belum cukup untuk membuka hati dan minda rakyat untuk menukar kerajaan negeri di bawah PH. Semasa proses berkempen, isu yang dimainkan oleh calon BN seperti masalah rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal yang tidak sistematik, jalan berlubang dan masalah air yang sering tiada tidak lagi dianggap oleh pengundi sebagai masalah utama. Malah, ada yang beranggapan isu-isu tersebut hanyalah sabotaj daripada kerajaan persekutuan menjelang PRU-14.

Lebih parah apabila isu-isu nasional seperti rasuah, keselamatan, kesihatan, alam sekitar, pendidikan serta skandal yang berkait rapat dengan menteri tidak mampu dijawab sebaik mungkin oleh calon mahupun daripada peringkat pusat dengan sebaik-baiknya. Belum reda untuk menangkis dan membatalkan isu-isu tersebut, kem BN Selangor boleh dikatakan kalah lebih awal sebelum penamaan calon. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak nama-nama yang dicadangkan oleh ketua-ketua bahagian yang juga pilihan pada peringkat akar umbi yang dirasakan mampu membantu meraih kemenangan kepada parti tidak dibawa namanya ke peringkat nasional.

Kadaan ini dirumitkan lagi apabila nama-nama yang tidak diangkat sebagai calon mula melakukan protes secara diam. Situasi ini dilalui oleh penulis sendiri yang melihat pengundi-pengundi putih di beberapa kawasan tidak keluar mengundi kerana memprotes calon dan parti. Jumlahnya bukan sedikit bahkan mencecah 500 pengundi.

Bagi menghargatkan lagi "rencah" pertembungan, jentera BN yang dianggap sebagai pejuang utama di medan pertempuran lebih awal mengibarkan bendera putih dan menikam parti dari belakang. Situasi ini boleh dikatakan sama seperti yang dilalui semasa PRU-12 apabila orang dalam parti sendiri yang memboikot parti.

Nama-nama besar di Selangor seperti Timbalan Menteri Pendidikan I, P. Kamalanathan (Hulu Selangor) dan Dato' Imorhizam Hj. Ibrahim (Kuala Selangor) tumbang di tangan calon PH dengan jumlah majoriti yang cukup besar. P. Kamalanathan tewas di tangan wakil PH, June Leow dengan majoriti 13 391 undi, manakala Imorhizam pula yang mempertahankan kerusi bagi dua penggal berturut-turut kecundang di tangan calon PH, Dr. Hj. Dzulkefly Ahmad dengan majoriti sebanyak 8498 undi.

Seterusnya, Budiman Mohd Zohdi (Sungai Besar) yang cuba mempertahankan kerusi yang dimenangnya pada PRU-13 gagal mengekalkan kedudukannya apabila tewas dengan majoriti tipis, 714 undi kepada calon PH, Cikgu Muslimin. BN diibaratkan seperti "bernafas dalam lumpur" apabila dua



penyandang di kerusi Parlimen Sabak Bernam dan Tanjung Karang sahaja yang mampu mengekalkan kemenangan tetapi dengan majoriti yang berkurangan.

Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan yang dilihat begitu yakin dan bersungguh untuk menawan Selangor semula dengan berslogankan "Better Selangor, Yakinlah, BN Lebih Baik!" juga hampir-hampir senasib dengan beberapa menteri yang lain apabila menang dengan majoriti yang lebih kecil berbanding PRU-13, iaitu 1970 undi sahaja. Seterusnya, Dato' Mohd Fasih Mohd Fakeh turut berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Sabak Bernam dengan menewaskan calon daripada PH dan PAS dengan majoriti 1674 undi. Bagi PH pula, kemenangan besar ini merupakan keputusan di luar jangka. Sememangnya PH yakin akan mempertahankan kedudukan di Selangor, namun tidak percaya apabila mampu meluaskan kedudukan yang mudah di DUN dengan memperoleh 51 kerusi, manakala di kerusi parlimen pula daripada 16 kerusi bertambah kepada 20 kerusi.

Yang menjadi tumpuan pastinya di kerusi DUN Bukit Antarabangsa yang menyaksikan Dato' Seri Azmin Ali mengekalkan kerusi DUN dengan penambahan majoriti kepada 25 512 menewaskan calon daripada BN, BEBAS dan Azwan Ali yang juga adik Menteri Besar Selangor itu. Walaupun majoriti pertandingan di DUN dan Parlimen menyaksikan pertembungan tiga penjujur atau empat penjujur atau lebih, terdapat tiga kawasan DUN di Selangor yang menemukan pertandingan dua penjujur antara PH dengan BN sahaja. Antaranya, DUN Seri Kembangan, DUN Kampung Tunku dan DUN Bandar Baru Klang.

Yang menariknya, ketiga-tiga tempat ini mungkin dijangkakan berlaku persaingan sengit, malangnya PH memperoleh majoriti yang cukup besar. DUN Seri Kembangan dimenangi oleh Ean Yong Hian Wah dengan majoriti 31 145, DUN Kampung Tunku pula menyaksikan Lim Yi Wei menewaskan Tan Gim Tuan dengan majoriti 30 444. Di Bandar Baru Klang pula Dato' Teng Chang Khim menang dengan majoriti 39 828 menewaskan Teoh Kah Yeong.

Kerusi Parlimen menyaksikan jumlah majoriti undi meningkat dengan mendadak untuk semua lokasi yang dimenangi oleh PH. Tony Pua yang bertanding di Parlimen Damansara berjaya memenangi dengan majoriti paling besar di seluruh negara dengan jumlah 106 903 undi. Bagi penyandang di kerusi Shah Alam pula, Khalid Abd Samad mempertahankan kerusi yang dimenangnya dengan majoriti 33 849 undi.

Anak Karpal Singh, Gobind Singh Deo terus selesa di Parlimen Puchong dengan memperoleh majoriti besar, 47 635 undi yang juga antara kemenangan besar PH terhadap

BN dan PAS. Bagi Presiden AMANAH pula, penghijrahannya ke Parlimen Kota Raja membawa pulangan yang cukup baik apabila menang besar dengan majoriti 71 142 undi. Kerusi panas Parlimen Pandan seperti dijangka kekal menjadi deposit tetap PH apabila Presiden PKR menang bergaya menewaskan lawan daripada BN dan PAS. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang menggantikan tempat Rafizi Ramli meneruskan legasi PH dengan majoriti 52 543 undi.

Bagi penulis, kemenangan PH sememangnya sudah dijangka atas faktor-faktor yang dinyatakan tadi. Selain itu, "dendam" rakyat terhadap Kerajaan BN kian berterusan apabila kebanyakan menteri yang bertanggungjawab sering kali menidakkkan keluh-kesah rakyat terhadap sesuatu perkara. Kemenangan PH seharusnya dijadikan kayu ukur akan kuasa rakyat untuk mengubah sesuatu perkara itu dengan diterjemahkan melalui pengundian. Pemimpin lahir atas sokongan dan perjuangan rakyat, dan rakyat pula merupakan individu yang perlu sentiasa rasa dihargai, dibela nasibnya, dan paling penting suara mereka diambil peduli.

Jentera BN dan PAS harus menjadikan keputusan PRU-14 ini sebagai penanda aras untuk membaiki kualiti para peringkat dalam. Pemikir-pemikir dan bijak pandai bagi kedua-dua parti ini harus memikirkan formula baharu untuk memikat hati pengundi pada PRU-15 nanti. Rakyat kini bukan lagi seperti sesetengah rakyat yang boleh digula-gulakan dengan kebendaan dan kata-kata manis.

Rakyat hari ini lebih celik dan bijak menilai setiap langkah dan tingkah laku pemimpin yang bakal mewakili mereka pada peringkat tertinggi. Perubahan yang berlaku bukanlah untuk menghukum pemerintah yang lalu atau tidak sama sekali melupai jasa-jasa pemimpin terdahulu. Perubahan yang dilakukan oleh 2 056 094 pengundi yang keluar mengundi di Selangor pada 9 Mei lalu merupakan ingatan kepada semua pemimpin agar terus berkhidmat kepada rakyat tanpa mengira musim dan waktu.

Selain itu, hampir 30 peratus pengundi muda di seluruh Selangor sudah mula muak akan "wayang" dan "sandiwar" yang dipertontonkan kepada mereka. Boleh dikatakan perubahan dan kemenangan PH di Selangor dan peringkat nasional banyak disumbangkan oleh golongan muda, selain pengundi Cina dan India yang mahukan sesuatu yang baharu daripada kerajaan baharu.

Kemenangan PH sebenarnya bukanlah 100 peratus disebabkan manifestonya atau ketaasuban terhadap parti di bawah gabungan PH, namun lebih kepada "mengajar" BN tentang kepentingan rakyat mengatasi kepentingan peribadi, selain magis Mahathir yang rata-rata masih dihormati dan dikenang jasanya oleh semua peringkat usia. ☺



## INFO PRU-14

Kerusi Parlimen	222
Majoriti mudah	112 kerusi
Majoriti dua pertiga Parlimen	148 kerusi
Kerusi Dewan Undangan Negeri	505
Bilangan parti yang bertanding	25
Jumlah pengundi	14.9 juta
Pengundi baharu	1.7 juta
Pengundi awal	300 255
Peratusan pengundi Perempuan	50.58 peratus
Lelaki	49.42 peratus
Satuan mengundi	28 995
Tempoh berkempen	11 hari
Bajet SPR	RM500 juta
Jumlah pusat mengundi	8253
Jumlah dakwat kekal	100 000 botol
Bilangan petugas SPR	250 000

### CALON TERMUDA



**P. PRABAKARAN**  
Umur 22 Tahun

### MAJORITY TERTINGGI PARLIMEN



**TONY PUA**  
106 903 undi

### MAJORITY TERENDAH DUN



**MALIAMAN KASSIM**  
4 undi

## MENTERI YANG TEWAS



Datuk Seri Liow Tiong Lai, Datuk Seri Dr. S Subramaniam, Datuk Seri Mah Siew Keong, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Datuk Seri Salleh Said Keruak, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Datuk Seri Rahman Dahlan

## TIMBALAN MENTERI YANG TEWAS



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, Datuk Seri Johari Baharum, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Datuk Seri Razali Ibrahim, Datuk Othman Aziz, Datuk Lee Chee Leong, Datuk Dr. Hamim Samuri, Datuk Seri Nur Jazlan Mohamed, Datuk Chua Tee Yong, Datin Paduka Chew Mei Fun, Datuk Seri Hilmi Yahaya, Datuk Aziz Kaprawi, Datuk Dr. Loga Bala Mohan, Dato' Anthony Nogueh, Datuk Mary Yaq Kain Ching, Datuk P Kamalanathan, Datuk Chong Sin Woon, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Datuk Seri S.K. Devamany